

Dtex International, KUTKM meterai MoU bangun perisian IT

Archival News | Utusan Malaysia | 06/08/2004

MELAKA 5 Ogos _ Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat perisian komputer, Dtex International Sdn. Bhd., untuk pembangunan produk perisian bagi sistem keselamatan maklumat dalaman.

Rektornya, Prof. Datuk Ismail Hassan berkata, MoU tersebut akan membolehkan kedua-dua pihak menjalin kerjasama dan perkongsian teknologi dalam bidang berkaitan bagi faedah bersama.

"Kerjasama ini akan memberi pendedahan kepada kakitangan akademik dan pelajar KUTKM dalam bidang berkenaan," katanya kepada para pemberita selepas majlis menandatangani MoU itu di Seri Negeri, Ayer Keroh, dekat sini hari ini.

Menurutnya, melalui kerjasama itu mereka diharapkan dapat membangunkan perisian komputer yang boleh membantu meningkatkan aspek keselamatan data sesebuah syarikat ataupun organisasi.

Katanya, bidang tersebut dibangunkan kerana pengguna komputer tentunya mahu supaya data mereka selamat daripada sebarang pencerobohan.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, Pengerusi Dtex International, Datuk Abdul Rahman Saad dan Ahli Lembaga Pengarah KUTKM, Datuk Kamarudin Awang yang mewakili Pengerusi KUTKM, Tan Sri Mohd. Saleh Sulong.

Pada majlis itu, KUTKM diwakili oleh Ismail dan Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Prof. Dr. Mohd. Ishak Desa manakala Dtex International diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohan Koo dan Ketua Pegawai Teknologi, Peter Freak.

Dtex merupakan syarikat perisian yang mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam pembangunan perisian keselamatan maklumat dalaman dan syarikat itu telah membangunkan perisian SystemSkan yang dikenal pasti berkebolehan dalam mengawal keselamatan aktiviti penggunaan rangkaian komputer.

Ismail memberitahu, MoU itu merupakan antara kerjasama yang diadakan oleh KUTKM dengan pihak industri dalam usaha mendedahkan pelajar dan tenaga akademiknya dengan teknologi semasa.

Katanya, perkongsian pintar dengan pihak industri itu juga merupakan antara perancangan KUTKM untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa yang melaksanakan pendekatan aplikasi dan amalan.

Dalam pada itu, Mohd. Ali menyambut baik kerjasama dalam membangunkan perisian berkenaan kerana kadangkala berlaku salah guna maklumat di peringkat dalaman dan memberi kesan yang tertentu.

Beliau juga menyarankan agar kerjasama itu diperluaskan kepada pembangunan mencari perisian yang dapat menyaring maklumat negatif terutama bahan-bahan lucah dalam Internet.

(Source : Utusan Malaysia)

